



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 32/2023

KEHADIRAN STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN KE PROGRAM  
SOLIDARITI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN UNTUK PALESTIN

1. Adalah dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan mengadakan Program Solidariti Universiti Malaysia Kelantan untuk Palestin bagi menunjukkan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap perjuangan rakyat Palestin menentang kezaliman Zionis Israel. Majlis pelancaran ini akan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Naib Canselor seperti ketetapan berikut:

Tarikh : 29 Oktober 2023 (Ahad)  
Masa : 4:00 petang  
Tempat : Teniat, UMK Bachok

2. Program ini melibatkan penyampaian pidato dan bacaan puisi yang akan disertai oleh wakil staf, wakil pelajar, NGO dari Cakna Palestin Malaysia dan Persatuan Penulis Kelantan bagi menyatakan bantahan terhadap kekejaman Zionis Israel yang semakin berleluasa sejak akhir-akhir ini. Tabung Palestin peringkat UMK akan turut dilancarkan bagi mengutip dana kewangan untuk disumbangkan kepada Palestin melalui Kementerian Pendidikan Tinggi.
3. Sehubungan itu, **semua staf UMK Bachok** adalah **DIWAJIBKAN HADIR** manakala staf UMK Kampus Kota dan Jeli adalah digalakkan untuk hadir ke program tersebut sebagai tanda solidariti warga UMK bersama rakyat Palestin. Rekod kehadiran melalui *QR Code* akan disediakan di sekitar Teniat.
4. Semua staf dimohon untuk mengambil perhatian dan tindakan ke atas pekeliling ini dan kerjasama Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) dimohon bagi memastikan kehadiran staf PTj masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

26 OKTOBER 2023

- s.k. - Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



**ATUR CARA**  
**SOLIDARITI UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN UNTUK PALESTIN**

Tarikh: **29 Oktober 2023 (Ahad)**

Masa: **4.00 petang**

Tempat: **Teniat UMK Bachok**

WAKTU	PERKARA
4.00 petang	Berkumpul di Masjid UMK Bachok Solat Asar berjemaah
4.30 petang	Perarakan dari Masjid ke Teniat
5.00 petang	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pidato Solidariti<ul style="list-style-type: none"><li>- Wakil Mahasiswa</li><li>- Wakil Staf</li><li>- NGO (Cakna Palestin Malaysia)</li></ul></li> <li>• Bacaan Puisi Oleh En Abdul Hadi Yusoff (Persatuan Penulis Kelantan)</li></ul>
5.30 petang	Ucapan dan pelancaran Tabung Palestin Oleh Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan <b>YBhg. Prof. Dato' Dr. Razli Che Razak</b>
	Bacaan Doa Qunut Nazilah
	Sesi Bergambar <b>#IsraelCuak #UMKStandWithPalestin</b>
	Bersurai

*\* tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa*